

Bil. S 49

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH (PINDAAN), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab-bab 27B dan 27C baru ke dalam Penggal 184.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH (PINDAAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan), 2010.

Pemasukan bab-bab 27B dan 27C baru ke dalam Penggal 184.

2. Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus sebelum bab 28 —

"Kuasa-kuasa Mahkamah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

27B. (1) Apabila mana-mana pihak atau mana-mana Mahkamah Syariah dalam sebarang prosiding atau mana-mana bahagiannya —

(a) membuat suatu sebutan, sama ada secara lisan atau bertulis, secara langsung atau tidak langsung, kepada apa-apa perbuatan, keputusan, pemberian, pembatalan atau penggantungan, atau keengganan atau peninggalan daripada berbuat demikian, atau kepada sebarang perjalanan atau keengganan atau peninggalan daripada menjalankan sebarang kuasa, autoriti atau budibicara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; atau

(b) bertujuan menyebut apa-apa isu atau perkara yang mungkin, secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan atau mengenai ketidakbolehcabulan, kesucian atau kepentingan kedudukan, kemuliaan, darjat, kehormatan, keluhuran atau kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan,

maka Mahkamah Syariah itu hendaklah mengadakan prosiding tersebut atau sebahagiannya itu secara tertutup:

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada Mahkamah Syariah itu bahawa prosiding tersebut atau sebahagiannya tidak boleh didengar secara tertutup.

(2) Tanpa menjejaskan kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam cerai (1), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada Mahkamah Syariah itu untuk mengadakan pendengaran sebarang prosiding atau mana-mana bahagiannya secara tertutup.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada Mahkamah Syariah itu untuk mengadakan pendengaran sebarang prosiding atau mana-mana bahagiannya pada masa dan di tempat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah cerai-cerai (1), (2) atau (3) tidak boleh dipersoalkan dalam atau tertakluk kepada sebarang kajian semula kehakiman oleh atau rayuan kepada mana-mana mahkamah.

(5) Tiada sesiapa pun boleh menyiarkan atau mengeluarkan semula di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain sebarang atau mana-mana bahagian prosiding, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa keterangan, barang bukti, penghakiman atau dokumen yang dikemukakan dalam sebarang prosiding, yang mungkin mempunyai kesan merendahkan atau menjejaskan, secara langsung atau tidak langsung, kedudukan, kemuliaan, darjat, kehormatan, keluhuran atau kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar cerai ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak boleh dipaksa untuk hadir di Mahkamah.

27C. (1) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak boleh dipaksa untuk menghadiri sebarang prosiding dalam atau dipanggil hadir di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, secara bertulis, mengecualikan mana-mana orang yang dikehendaki untuk menghadiri sebarang prosiding dalam atau dipanggil hadir di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah, dari mematuhi kehendak atau panggilan hadir tersebut; dan pengecualian tersebut tidak boleh dipersoalkan dalam atau tertakluk kepada sebarang kajian semula kehakiman oleh atau rayuan kepada mana-mana mahkamah."

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 19 haribulan April, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM